



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِوَالِ الْاِئْمَانِ كَامِلِ السَّلَامِ سَبَاہِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

23 JAMADILAKHIR 1445H/ 05 JANUARI 2023M

### PEMBUDAYAAN ILMU TERAS KEGEMILANGAN UMMAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 4/1/2024

PEGAWAI PENYEMAK : .....

AFIQ BIN AJHAR  
PEGAWAI PENCERAMAH  
BAHAGIAN DAKWAH

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 04/01/2024

DIBACA PADA : .....

DILULUSKAN OLEH : .....

ADAM BIN ABDUL HAL  
KETUA PENOLONG PENGARAH  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

❖ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ

وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ (التوبة : 122)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!**

Sebagai umat Islam, kita dituntut supaya menjadi orang yang beriman dan bertakwa dengan mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Ini adalah jalan bagi mengeratkan hubungan kita dengan Allah sekali gus menjadi wasilah mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Menyedari betapa sifat takwa itu boleh dicapai melalui ilmu, mimbar pada hari ini akan membawakan khutbah yang bertajuk **“Pembudayaan ilmu Teras Kegemilangan Ummah”**.

## **SAUDARA MUSLIMIN YANG MULIA!**

Islam menitikberatkan soal membaca sebagai medium untuk menimba dan membudaya ilmu. Ia tergarap dalam kalimah “Iqra” yang merupakan wahyu pertama diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibrail AS. Kalimah suci “Iqra” ini mengandung mafhum serta pengajaran bahawa amalan membaca merupakan wasilah dalam kerangka menimba, menambah serta menguasai ilmu pengetahuan sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik.

Kalimah “Iqra” juga adalah isyarat bahawa al-Quran yang diturunkan merupakan lautan ilmu yang tidak akan pernah kering untuk dikaji bagi membimbing manusia ke arah pencarian ilmu yang benar dalam mengungkapkan keagungan Ilahi. Lantaran itu tuntutan membaca membuktikan betapa ilmu itu begitu besar manfaatnya kepada manusia. Dengan ilmu kita dapat membezakan antara suruhan dan larangan Allah SWT selain berupaya membimbing kita menuju kebahagiaan serta menahan daripada kesengsaraan sekaligus sebagai suluh menuju syurga Allah SWT.

## **MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT!!**

Sebagai umat Islam kita dianjurkan agar berusaha menuntut ilmu ,kerana orang yang menuntut ilmu tergolong mereka yang berada di jalan Allah SWT yakni fisabilillah. Manakala orang yang suka berbicara mengenai ilmu pula, bererti mereka memuji Allah SWT. Sementara orang yang mengajarnya, bererti telah memberikan sedekah atau amal jariah sebagai bekalan akhiratnya.

Dalam erti kata yang lain, dengan ilmu manusia dari tidak tahu menjadi tahu,

daripada lemah menjadi kuat, daripada mundur menjadi maju hatta daripada jahil menjadi manusia yang bijak dan bertamadun tinggi. Atas kelebihan serta keistimewaan ilmu tersebut, maka orang yang berilmu dan beramal dengan ilmunya diangkat darjatnya di sisi Allah SWT, sebagaimana firman-Nya di dalam surah al-Mujaadalah ayat 11:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

۱۱

**Yang bermaksud:** “...Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”

Sehubungan itu, Rasulullah SAW amat memandang tinggi budaya membaca dan menuntut ilmu sehingga Baginda mengumpamakan majlis-majlis ilmu itu sebagai “taman-taman kemuliaan” yang dirindui oleh setiap mukmin. Sabda Rasulullah yang bermaksud:

“Apabila kamu melalui taman-taman syurga, minumlah sehingga puas. Para sahabat bertanya, ya Rasulullah, apakah yang dimaksudkan dengan taman-taman syurga itu? Nabi menjawab: “Majlis-majlis ilmu.” (HR. at-Tirmizi)

### **SAUDARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT!**

Pembudayaan ilmu yang dipelajari dan dikuasai bersandar kepada wahyu Ilahi menjadi teras dalam menganjukkan ummah ke arah kegemilangan seperti mana yang telah dikecapi kerajaan Islam silam yang berpusat di Baghdad dan di Andalusia. Tanpa sumber yang benar dari yang Maha

Pencipta, maka manusia akan tersasar mencari hal-hal di luar fitrah. Dengan kata lain, keintelektualan dan kegemilangan tidak akan tercapai sekiranya umat Islam masih dibelenggu keilmuan yang samar dan tidak jelas sumbernya.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!**

Dalam meniti arus kemodenan, penguasaan al-Quran adalah sangat penting bagi mencapai kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Al-Quran sememangnya mahukan umat Islam memiliki minda yang saintifik. Minda yang saintifik adalah minda yang kuat berfikir kritis, mampu menganalisis data dan fakta, serta mampu membuat andaian dan kemudiannya konklusi kepada apa yang dicerap. Minda saintifik menolak sebarang laporan dan pandangan yang tidak berlapikkan bukti dan dalil yang sahih.

Oleh hal yang demikian, sistem pendidikan serta tafsiran yang menekankan kepentingan penguasaan ilmu sama ada berkaitan agama, sains, mahupun bidang kepakaran tinggi perlu diperkasakan. Tambahan pula, ilmu sains dan teknologi tidak boleh berdiri tanpa sumber wahyu. Banyak penemuan saintifik sejak era kegemilangan Islam hingga hari ini bersumber daripada al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Antara penemuan sahih berkenaan adalah proses penciptaan manusia, graviti, bunyi, cahaya, haiwan, bidang astronomi, matematik dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, mencari, menambah dan menguasai ilmu adalah tuntutan utama kehidupan ke atas orang beriman. Ini kerana ilmu berperanan penting dalam menentukan corak kehidupan di dunia dan di akhirat. Kita dianjurkan supaya menuntut ilmu sekalipun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan

kerana ilmu adalah nikmat dan rahmat Allah SWT kepada manusia yang amat tinggi dan tidak ternilai harganya.

Rasulullah SAW menyifatkan orang yang berusaha menuntut ilmu dan beramal dengan ilmunya sebagai pewaris anbiya. Sabda Baginda, maksudnya:

*“Sesiapa berjalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan membimbingnya ke jalan syurga. Sesungguhnya, orang berilmu itu dimohon keampunan oleh makhluk di langit dan di bumi termasuk ikan di lautan dan sesungguhnya ulama itu adalah pewaris para nabi.”* (HR. Abu Daud dan at-Tirmizi).

Renungkan dan hayatilah firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 122:

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ  
وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ۝ ۱۲۲ ﴾

**Maksudnya:** *“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تک س خطه کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ  
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا  
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا



وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ  
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ  
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ  
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522127 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)